

Varsiti

Surat khabar: Berita Harian (Sukan)

Hari/Tarikh: 5/9/2013

Muka surat: V16

Tajuk : Saingan Acara Mendayung, Kayak MASUM 2013.

Gombak: Acara mendayung dan kayak dalam Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2013, baru-baru ini, menyaksikan persaingan seimbang dalam kalangan peserta berbanding hanya didominasi beberapa universiti sebelum ini.

Lebih 500 atlet dari 15 universiti tempatan menyertai acara itu yang berlangsung di Pusat Latihan Mendayung Kebangsaan, Empangan Batu, serta dikendalikan Universiti Teknologi Malay-

sia (UTM) dengan kerjasama Persatuan Mendayung Malaysia dan Persatuan Kenu Malaysia.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) muncul juara keseluruhan kategori Mendayung Lelaki dengan kutipan tiga pingat emas, sementara kategori Mendayung Wanita diungguli pasukan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang meraih dua pingat emas dan satu perak.

Pingat emas diperoleh UiTM menerusi acara Single

Scull, Double Scull dan Men Eight.

Mendayung 1,500 meter

UTHM pula menguasai acara Single Scull dan Women Eight, selain merangkul pingat perak dalam acara Double Scull.


Se semua perlumbaan bagi kategori mendayung membabitkan jarak 1,500 meter (m).

Sementara itu, kategori Kayak Lelaki dikuasai Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang membolot



Pasukan kayak wanita UTM mengungguli kategori Kayak Wanita.

\ Saingan acara mendayung, kayak **MASUM 2013**



Persaingan peringkat akhir acara mendayung kategori Men Eight.

dua pingat emas, manakala pasukan UTM muncul juara keseluruhan kategori Kayak Wanita selepas meraih dua emas, satu perak dan satu gangsa.

Atlet kayak lelaki UNIMAS memenangi pingat emas dalam saingan TK1 500m dan TK2 1000m, manakala pingat emas menjadi milik atlet kayak wanita UTM bagi K1 500m dan TK2 1000m, perak (K2 1000m) dan gangsa (TK1 500m).

Hadiyah disampaikan Pengarah Pusat Sukan UTM, Abdul Malik Abdul Ghani.

Turut hadir Naib Presiden Persatuan Mendayung Malaysia, Mohd Hisham Mohd Zain.



Aksi peserta dalam kategori Kayak Lelaki.